

# Formulasi dasar kerajaan capai stand

B-11 311 01/08 M/S 10

Oleh Sobri Sudin

**D**ALAM konteks negara maju, bidang dan aliran kajian politik lebih bertumpu kepada sains negara dan dasar awam. Setiap dasar dianalisis dengan matlamat untuk memberi manfaat kepada rakyat. Dalam polemik dialektik Plato dan Aristotle telah timbul dilema 'isu ibarat telur atau ayam siapa dulu? Apakah pemimpin atau kerajaan yang baik mampu menjamin lahirnya masyarakat harmoni atau kesiapsagaan masyarakat yang sejahtera sebagai penentu kepada terbinanya kerajaan yang baik.

Jika mengikut politik sebenar, dua perkara berkenaan saling melengkapi. Sesebuah negara perlukan dasar mantap, kerajaan stabil, pimpinan bervisi dan bermisi untuk mencorakkan masa depan negara. Pada masa sama, rakyatnya juga harus memiliki intelektual, kekuatan jati diri, fa-

ham nasionalisme yang tinggi, kemahiran politik, skil, kemahiran untuk memajukan negara selain memastikan kewibawaan wilayah dan kedaulatan negara tidak mudah diperkotakkatikan negara luar.

Sebab itu apabila melihat rentetan pelbagai rungutan, isu, masalah, kontroversi dalam negara sepanjang hampir lima tahun lalu, timbul pertanyaan apakah wujud dalam dunia ini sebuah kerajaan utopia (unggul) yang tidak ada cacat cela dan salah silapnya. Daripada peningkatan jenayah indeks kepada 13.4 peratus, isu dan krisis keyakinan kepada badan perundangan negara dengan kes pita video V.K. Lingam, kes pembunuhan Nurin Jazlin Jazimin, dan kehilangan Sharlinie Mohd Nashar.

Rasuah yang ditangani terus menjadi-jadi, kemasukan lebih dua juta pendatang asing yang menimbulkan masalah sosial

dan ketempangan hidup rakyat yang konfusif juga menambah beban kerajaan untuk menyelesaikannya.

Ironinya jika mahu dihitung indeks dan usaha memuaskan hati seluruh 26 juta rakyat Malaysia dengan paparan beberapa isu itu sudah tentu indeks kemerosotan kerajaan akan jatuh menjunam. Namun, hakikatnya kita wajib bersyukur. Kos sara hidup relatifnya di negara ini masih rendah berbanding Perancis, misalnya harga sepinggan nasi sekalipun ditimbang mengikut berat.

Begitu juga peluang pelbagai kaum tersedia luas dalam pelbagai lapangan mengikut keupayaan, merit bukan berasaskan gender dan kaum. Hak kaum wanita di negara ini dilindungi dengan kuota 30 peratus pembuat dasar, maka hasilnya ramailah yang bergelar jawatan tinggi. Penuntut IPTA dibiayai sepenuhnya meskipun melalui skim tabungan PTPTN

# dard terbaik

meskipun ramai yang merungut dengan bayaran faedah empat peratus. Masih banyak jalan persekutuan, perbandaran dan jalan negeri yang baik dan hebat infrastrukturnya tanpa perlu dibayar tol.

Kemudahan utiliti hampir 100 peratus meliputi bekalan air dan elektrik di seluruh negara. Peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan dan swasta masih terbuka luas. Hubungan rencam antara kaum yang memperlihatkan integrasi meluas masih berjalan dengan baik meskipun ada sedikit sebanyak pergeseran akibat salah faham yang bukan pun disebabkan isu kaum atau agama. Peluang mencari rezeki, nafkah terbuka luas bagi yang mahir dan mampu serta berupaya merebut peluang.

Isunya, masyarakat seakan diajar segala-galanya adalah tanggungjawab kerajaan. Jika anak mencuri, menagih dadah terbabit dalam gejala sosial seperti merempit, pelacuran, bohsia dan bohjan adalah akibat tidak Islamiknya kerajaan dan pimpinan ini. Jika meningkatkan kes rogol, ragut atau pecah rumah mahupun kehilangan kanak-kanak punca atau pihak yang dikambinghitamkan adalah polis, seolah-olah tiada langsung salah dan rasa bersalah di pihak institusi masyarakat, ibu bapa dan orang perseorangan.

Begitu juga halnya jika graduan menganggur, belum beroleh pekerjaan yang disalahkan sistem pengajian dan kurikulum IPTA dan menteri berkenaan sedangkan sifat culas, malas pelajar dan kegagalan menguasai aspek komunikasi, bahasa kedua tidak dipedulikan.

Persoalannya adakah wujud di dunia ini sebuah kerajaan yang sesempurna mungkin seperti impian kita semua? Apakah semuanya harus diletakkan bahu kerajaan untuk melangsaikan aspirasi dan kehendak kita yang tidak terbatas?

Realitinya, jika ditinjau di 188 negara bangsa yang ada dalam persekitaran sistem antarabangsa amatlah sedikit untuk mencari citra dan identiti sebuah kerajaan dan pimpinan seperti Malaysia yang pada gredingnya sudah berada pada landasan terbaik dari sudut formulasi dasar, sistem pentadbiran, hubungan kaum dan pelaksanaan dasar demi manfaat rakyat terbanyak.

Soal rungutan adalah isu biasa. Dalam sistem demokrasi selagi rungutan dan rasa tidak puas hati masih wujud bermakna sistem berkenaan berjalan baik. Jika tidak mahu langsung adanya rungutan maka beralihlah kepada sistem fasisme atau totalitarian. Hakikatnya kita harus berbangga menjadi warga sebuah negara yang cukup prihatin terhadap rakyatnya seperti Malaysia.